

# Dua kampung digenangi air

**PASIR PUTEH 27 Jan.** - Dua buah kampung di sini iaitu Kampung Sungai Kelong dan Kampung Panggung Tiga Daerah mula digenangi air selepas sungai berdekatan melimpah disebabkan hujan lebat di kawasan hulu sejak semalam.

Air mula naik kira-kira pukul 5.30 petang ini namun sehingga sekarang masih belum ada mangsa yang dipindahkan.

Seorang penduduk, **Wan Ismail Wan Ibrahim**, 65, berkata, keadaan itu menyebabkan sebahagian besar kawasan kediaman mula digenangi air berlumpur sedalam 0.2 meter.

"Penduduk yang berada di ka-

wasan rendah terpaksa memindahkan barangan elektrik dan perabot dari ruang dapur rumah masing-masing ke tempat yang selamat.

"Pada masa yang sama jalan utama Kota Bharu-Pasir Puteh di sepanjang Kampung Panggung Tiga Daerah menjadi sesak dengan lalu lintas apabila pengguna mengambil langkah berhati-hati mengharungi air di kawasan itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Seorang lagi penduduk, **Abdul Ghani Abdul Samad**, 60, berkata, antara kawasan lain yang mudah digenangi air ialah Taman Permata, di Jeram Pasu, dekat sini.

"Hari ini hanya hujan sekejap-sekejap sahaja tetapi yang peliknya berlaku banjir kilat pada lewat petang. Mungkin kawasan bukit menerima hujan lebat yang menyebabkan air mengalir ke kawasan ini," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Puteh, Wan Baijuri Wan Hasan berkata, laluan utama Pasir Puteh ke Kota Bharu masih selamat digunakan namun pihaknya membuat pemantauan rapi bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Tambahnya, pihak bomba bersedia untuk memindahkan penduduk sekiranya air semakin dalam.